



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI
DAN BUDAYA MALAYSIA



BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AKADEMIK
**PENGAJIAN ASASI
SENI KREATIF**

SESI 2018/2019

PANDUAN DAN PERATURAN AKADEMIK

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
A. <u>PANDUAN AKADEMIK</u>	
Kata Aluan Rektor	4
Kalendar Akademik	5
Pengenalan	6
Objektif, Latarbelakang, visi dan misi Kampus	7
Program Pengajian Asasi Seni Kreatif	9
Sinopsis Kursus Pengajian Asasi Seni Kreatif	14
Kakitangan / Tenaga Akademik	23
B. <u>PERATURAN KECIL AKADEMIK</u>	
<u>BAB A – TAKRIF</u>	
1.1 Akademi	27
1.2 Lembaga Pengarah	27
1.3 Lembaga Pengajian	27
1.4 Pengerusi	27
1.5 Rektor	27
1.6 Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik	27
1.7 Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar	27
1.8 Pendaftar	27
1.9 Bendahari	27
1.10 Fakulti, Jabatan/Pusat	27
1.11 Ketua Fakulti, Jabatan/Pusat	27
1.12 Pegawai Akademi	28
1.13 Sesi Akademik	28
1.14 Semester	28
1.15 Kursus	28
1.16 Tenaga Pengajar	28
1.17 Jawatankuasa Peperiksaan ASWARA	28
1.18 Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan	28
1.19 Jawatankuasa Rayuan Masuk Semula	28
1.20 Jawatankuasa Kecurangan Akademik	28
1.21 Pelajar	29
1.22 Daftar Pelajar	29
1.23 Gugur Status Pelajar	29
1.24 Tindakan Tatatertib	29
1.25 Jam Kredit	29
1.26 Ko-Kurikulum	29
1.27 Komponen Kurikulum Pengajian	29
1.28 Kurikulum Pengajian Bagi Program Pengajian Asasi Seni Kreatif	29
1.29 Daftar Kursus	30
1.30 Status Kursus	30
1.31 Penilaian	30
1.32 Pemeriksa/Penilai/Moderator	30

1.33	Status Penilaian	30
1.34	Peperiksaan	30
1.35	Peperiksaan Ulangan	31
1.36	Peperiksaan Khas	31
1.37	Ketua Pengawas Peperiksaan	31
1.38	Pengawas Peperiksaan	31
1.39	Gaya ASWARA	31
1.40	Gred	31
1.41	Nilai Gred	31
1.42	Nilai Kredit	31
1.43	Purata Nilai Gred (PNG)	32
1.44	Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG)	32
1.45	Jadual Nilai Gred	32
1.46	Status Keputusan Peperiksaan	32
1.47	Slip Peperiksaan	32
1.48	Slip Keputusan Peperiksaan	32
1.49	Kebenaran Tidak Menduduki Peperiksaan	32
1.50	Kecurangan Akademik	32
1.51	Mengulang Kursus	32
1.52	Penangguhan Pengajian	32
1.53	Tempoh Pengantungan	32
1.54	Tamat Pengajian	34
1.55	Penganugerahan Akademik Tamat Pengajian	34
1.56	Pengurniaan Kecemerlangan Akademik	34
1.57	Transkrip	34
1.58	Skrol	34
C. PERATURAN KECIL AKADEMIK		
<u>BAB B – PERATURAN DAN PROSEDUR</u>		
2.1	Kemasukan Pelajar	36
2.2	Status Pelajar Akademi	36
2.3	Syarat Akademik	37
2.4	Pendaftaran Kursus	37
2.5	Tempoh Pengajian	40
2.6	Kehadiran Pelajar	42
2.7	Penilaian	44
2.8	Rayuan	54
2.9	Penganugerahan	56
2.10	Transkrip	56
2.11	Peruntukan AM	57

KATA ALUAN

Assalamualaikum dan Salam Malaysia.

Program Pengajian Asasi Seni Kreatif ASWARA telah ditubuhkan melalui Pusat Pengajian Asasi bagi melengkapkan program tersusun dalam pembangunan modal insan untuk industri kreatif negara. Dalam proses pendidikan seni dan budaya bagi melahirkan insan yang kreatif, gemilang, cemerlang dan terbilang, pelaksanaan Program Pengajian Asasi Seni Kreatif ASWARA adalah bertujuan untuk menyiapkan para pelajar dari segi akademik sebelum melayakkan diri bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian di ASWARA.

Untuk menjayakan pembelajaran program ini, Pusat Pengajian Asasi ini menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar bagi mengikuti program tersebut secara formal dan sistematik. Aspek- aspek teori, sejarah, perkembangan, proses kreatif, proses produksi, pengurusan, pengkaryaan serta penghasilan dalam seni kreatif merupakan komponen yang penting dalam implementasi kurikulum Program Pengajian Asasi Seni Kreatif ini.

Para pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman asas dan menyeluruh dalam seni kreatif merangkumi seni rakaman, seni pentas, seni reka, penulisan kreatif, animasi dan pengurusan seni. Sepanjang pembelajaran program ini, pelajar juga akan dilatih dan diberi peluang untuk melibatkan diri dalam perbincangan, pengurusan dan penghasilan projek dari pelbagai bidang dan disiplin seni; dengan tujuan melahirkan insan seni yang *multi-talented*. Seterusnya, berbekalkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pembelajaran asas tersebut, ianya menjadi titik tolak yang penting bagi pelajar dalam memilih bidang pengkhususan yang bakal diambil di peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian.

Akhir kata, saya berharap Program Pengajian Asasi Seni Kreatif ini menjadi satu tanda aras baharu bagi pendidikan seni dan budaya di ASWARA mahupun IPT tempatan, sekaligus menjadi kebanggaan kita semua. Tahniah dan Syabas kepada semua yang terlibat dalam merealisasikan program ini.

Terima kasih dan selamat maju jaya.

YBHG PROF. DATO' TS. IR. DR. MOHD RIZON JUHARI
Rektor ASWARA



KALENDAR AKADEMIK ASWARA SESI 2018/2019

ASASI SENI KREATIF

5

SEMESTER 1 (13 OGOS 2018 – 30 NOVEMBER 2018)

Pendaftaran Pelajar Baharu	Ahad, 12.08.2018	-	Ahad, 12.08.2018	01 hari	<ul style="list-style-type: none"> • 22.08.18 (Rabu): Aidiladha • 31.08.18 (Jumaat): Merdeka • 09.09.18 (Ahad): Hari Keputeraan YDP Agong • 11.09.18 (Selasa): Awal Muharam • 16.09.18 (Ahad): Hari Malaysia • 06.11.18 (Selasa): Deepavali • 20.11.18 (Selasa): Maulidur Rasul
Kuliah	Isnin, 13.08.2018	-	Jumaat, 16.11.2018	14 minggu	
<i>*Proses Tambah/Gugur Kursus</i>	<i>Isnin, 13.08.2018</i>	-	<i>Jumaat, 24.08.2018</i>	<i>02 minggu</i>	
Cuti Ulangkaji	Ahad, 18.11.2018	-	Ahad, 25.11.2018	01 minggu	
Peperiksaan Akhir	Isnin, 26.11.2018	-	Jumaat, 30.11.2018	01 minggu	
Cuti Antara Semester	Ahad, 02.12.2018	-	Ahad, 16.12.2018	02 minggu	

SEMESTER 2 (17 DISEMBER 2018 – 05 APRIL 2019)

Pendaftaran Pelajar Sedia Ada	Ahad, 16.12.2018	-	Ahad, 16.12.2018	01 hari	<ul style="list-style-type: none"> • 25.12.18 (Selasa): Krismas • 01.01.19 (Selasa): Tahun Baru • 21.01.19 (Isnin): Thalpusam • 01.02.19 (Jumaat): Hari Wilayah • 05..02.19 (Selasa) & 06.02.19 (Rabu): Tahun Baru Cina
Kuliah	Isnin, 17.12.2018	-	Jumaat, 22.03.2019	14 minggu	
<i>*Proses Tambah/Gugur Kursus</i>	<i>Isnin, 17.12.2018</i>	-	<i>Jumaat, 28.12.2018</i>	<i>02 minggu</i>	
Cuti Ulangkaji	Ahad, 24.03.2019	-	Ahad, 31.03.2019	01 minggu	
Peperiksaan Akhir	Isnin, 01.04.2019	-	Jumaat, 05.04.2019	01 minggu	
Cuti Antara Semester	Ahad, 07.04.2019	-	Ahad, 21.04.2019	02 minggu	

SEMESTER 3 (22 APRIL 2019 – 09 OGOS 2019)

Pendaftaran Pelajar Sedia Ada	Ahad, 21.04.2019	-	Ahad, 21.04.2019	01 hari	<ul style="list-style-type: none"> • 01.05.19 (Rabu): Hari Pekerja • 20.05.19 (Isnin): Hari Wesak • 22.05.19 (Rabu): Nuzul al-Quran • 05.06.19 (Rabu) & 06.06.19 (Khamis): Aidilfitri
Kuliah	Isnin, 22.04.2019	-	Jumaat, 26.07.2019	14 minggu	
<i>*Proses Tambah/Gugur Kursus</i>	<i>Isnin, 22.04.2019</i>	-	<i>Jumaat, 03.05.2019</i>	<i>02 minggu</i>	
Cuti Ulangkaji	Ahad, 28.07.2019	-	Ahad, 04.08.2019	01 minggu	
Peperiksaan Akhir	Isnin, 05.08.2019	-	Jumaat, 09.08.2019	01 minggu	

PENGENALAN

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ditubuhkan pada tahun 1994 dengan nama asalnya **Akademi Seni Kebangsaan (ASK)** merupakan agensi di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia ketika itu. Di dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan di Universiti Malaya pada tahun 1971, salah satu rumusan yang telah diambil ialah agar sebuah institusi ditubuhkan untuk pembelajaran dalam bidang seni. Di dalam konteks pembangunan negara, kemajuan pendidikan kesenian hendaklah sejajar dengan pertumbuhan ekonomi, sosial dan pembinaan modal insan. Matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju perlu didokong bersama oleh penggiat seni tanah air. Pengalaman beberapa buah negara maju seperti Perancis dan United Kingdom membuktikan bahawa pelaksanaan program pembangunan seni yang mantap bukan sahaja memastikan kesenian bangsa dipelihara dan boleh diangkat ke tahap lebih cemerlang, malah bidang seni juga boleh memberikan pulangan ekonomi yang baik kepada penggiatnya.

ASWARA merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang bermatlamat menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang berwibawa di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara. Pada prinsipnya, ASWARA menumpukan pendidikan seni ke arah mengeluarkan 'performer' yang kreatif, profesional dan berilmu. Penekanan pembelajaran ditumpukan kepada pendidikan amali bagi memastikan pelajar mencapai tahap kemahiran yang tinggi. Siswazah ASWARA adalah diharapkan dapat menampung keperluan tenaga mahir dalam bidang kesenian dan kemahiran. Ini dapat mengisi keperluan tenaga profesional seni seperti anggota orkestra, pencipta muzik/lagu, penyanyi, penggubah, pelakon, pengarah, penulis skrip, pendidik seni, penari, koreografer serta kerjaya lain yang berkaitan dengan industri seni kreatif.

Pengembangan bidang pengajian yang merangkumi filem dan televisyen, tari, muzik, teater, penulisan kreatif, seni halus, animasi dan multimedia, rekaan komunikasi visual dan pengurusan seni budaya serta ilmu yang berkaitan menjadikan ASWARA sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi yang menjalankan fungsi dan peranannya sebagai sebuah institusi induk pengajian kebudayaan, kesenian dan warisan yang komprehensif dan bertanda aras sebagai yang terbilang.

OBJEKTIF

Sebuah institusi pengajian tinggi terulung dengan menyediakan pengajaran dan pembelajaran, pusat penyelidikan akademik, penerbitan dan khidmat nasihat professional, dalam bidang seni, budaya dan warisan.

LATAR BELAKANG

Penubuhan ASWARA merupakan hasrat terbesar rakyat Malaysia untuk melihat sebuah institusi khusus yang menyediakan sistem pendidikan kesenian yang formal, tersusun, sistematik serta memenuhi keperluan industri kreatif negara dalam bidang seni budaya dan warisan.

Aspirasi, semangat serta harapan yang dijemakan melalui Kongres Kebudayaan Melayu Pertama di Melaka (30 Disember 1957 - 2 Januari 1958) dan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 di Kuala Lumpur (16 - 20 Ogos 1971) menjadikan pengujudan ASWARA juga sebagai sebuah institusi masyarakat yang bertanggungjawab mempertahankan jati diri dan kebudayaan rakyatnya.

Sesuai dengan tuntutan penubuhan, perubahan, visi serta misi membangunkan institusi pendidikan kesenian cemerlang, akademi yang pada awalnya dikenali sebagai Akademi Seni Kebangsaan (ASK) 1994 telah dinaiktaraf sebagai institusi pengajian tinggi kerajaan melalui Akta 653 - Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006. Akta yang dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2006 telah menzahirkan ASWARA untuk melengkapkan harapan akademi ini sebagai sebuah institusi latihan induk bagi pengajian seni budaya dan warisan di Malaysia.

VISI

Menjadi sebuah institusi induk pengajian dan latihan seni, budaya dan warisan yang diiktiraf dalam negara, serantau dan di peringkat antarabangsa.

MISI

- Menjadi institusi 'pembangunan modal insan' dalam bidang seni budaya dan warisan yang relevan dan bermutu bagi memenuhi keperluan negara;
- Melahirkan golongan intelektual, karyawan dan seniman yang berilmu, mahir dan profesional ke arah membangunkan nilai keusahawanan industri kesenian warisan negara;
- Menjadi pusat sumber, khidmat nasihat, penyelidikan dan eksperimentasi seni, budaya dan warisan;
- Menjadi badan pengiktiraf pengamal profesional seni, budaya dan warisan.

KAMPUS AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)

Berada di lokasi 464, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur yang dahulunya pernah menempatkan Kompleks Budaya Negara (KBN). Lokasinya amat strategik kerana berhampiran dengan pusat ibukota serta di kelilingi bangunan-bangunan yang menempatkan jabatan-jabatan awam dan swasta serta mudah dihubungi dengan rangkaian pengangkutan awam seperti bas, teksi, stesen LRT dan komuter. Selain itu, lokasinya berdekatan dengan ruang persembahan utama di bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Ia menjadikan kampus ini sebagai sebuah institusi pembelajaran dan pembangunan seni yang ideal. Antaranya Istana Budaya, Panggung Bandaraya, KL PAC, Auditorium DBKL, Pusat Pelancongan Malaysia (MTC), Dewan Filharmonik, Auditorium DBP, Dewan Sivik PJ, Panggung Actors Studio dan beberapa lagi. Kampus ini juga turut berhampiran dengan beberapa buah taman riadah dan amat sesuai untuk situasi pembelajaran seperti Padang Merbuk, Taman Tasik Perdana, Tugu Negara, Laman ASEAN, Taman Burung, Taman Rama-rama dan beberapa lagi.

Mempunyai keluasan 8.5 hektar, kini mempunyai 11 blok bangunan dengan keluasan 91,900 kaki persegi bagi memenuhi keperluan dan kemudahan pembelajaran bidang pengajian tari, filem dan televisyen, teater, muzik, penulisan, seni halus, animasi dan multimedia dan rekaan komunikasi visual. Turut terdapat bangunan perpustakaan, dewan kuliah, bilik seminar, bengkel pertukangan, studio teater dan tari, studio rakaman, Dewan Orkestra, Panggung Eksperimen, Pawagam Jalan Ampas, Blackbox, studio animasi, kafeteria, asrama dan lain-lain.

ASWARA turut menjadikan kampusnya sebagai kampus terbuka. Individu, pelancong, penggiat seni, organisasi-organisasi, pelajar sekolah dan lain-lain boleh berkunjung ataupun menyaksikan persembahan-persembahan yang berlangsung di ASWARA. Di samping itu, kampus ASWARA juga sering dikunjungi oleh pihak yang ingin bekerjasama seperti produksi-produksi seni yang ingin menggunakan panggung eksperimen, dewan orkestra, dewan kuliah atau blackbox sebagai ruang pementasan serta sebagai lokasi penggambaran filem dan drama. Hubungan baik yang terjalin dengan pihak luar merupakan satu langkah ke arah menjadikan kampus ASWARA sebagai pusat kesenian dan mendekati masyarakat dengan aktiviti kesenian apatah lagi di sini juga sering berlangsung acara berbentuk ilmiah seperti diskusi, seminar, persidangan, bengkel, sesi apresiasi dan sebagainya dengan mengundang sebahagian besar pakar dan ahli akademik bidang kesenian dari dalam mahupun luar negeri.

PROGRAM PENGAJIAN ASASI SENI KREATIF

Pengenalan dan tujuan

- Memberi fokus untuk menyiapkan para pelajar melayakkan diri untuk kemasukan ke pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian di dalam Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- Sepanjang pembelajaran program, pelajar juga akan dilatih dan diberi peluang untuk melibatkan diri dalam perbincangan, pengurusan dan penghasilan projek pelbagai bidang dan disiplin seni.
- Di akhir program, pelajar akan mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman asas yang menyeluruh dalam seni kreatif termasuk seni rakaman, seni pentas, seni reka, penulisan kreatif dan pengurusan seni.

Objektif

- Memperolehi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman asas dalam proses persiapan, penghasilan, serta pengurusan karya seni kreatif.
- Mampu berfikir secara kreatif dan kritis untuk merancang, menghasilkan dan mentafsir maklumat-maklumat asas mengenai proses serta hasil karya seni kreatif.
- Mampu menggunakan teknik, kemahiran dan peralatan asas yang diperlukan untuk teknologi produksi seni kreatif.
- Mahir berkomunikasi secara profesional dan bekerjasama untuk penghasilan produksi dalam bidang seni kreatif.
- Menggunakan kemahiran pembelajaran sendiri dan pengetahuan asas dalam pendidikan lanjut dan pekerjaan.

Kurikulum

Penganugerahan Sijil Pengajian Asasi Seni Kreatif akan diberikan kepada para pelajar yang memenuhi keperluan akademik yang telah ditetapkan oleh Lembaga ASWARA. Seseorang pelajar perlu melengkapkan **50 unit kredit** di dalam penganugerahan ini.

Syarat Akademik

Seseorang pelajar perlu mematuhi Syarat Akademik sebagai melengkapkan keperluan untuk memperoleh Sijil Pengajian Asasi Seni Kreatif.

Komponen Kursus

Seseorang pelajar dikehendaki mendaftar, mengambil dan lulus semua kursus dalam komponen-komponen berikut:

i. Kursus-kursus Akademi (KA)

Kursus Akademi mengandungi kursus-kursus wajib yang ditetapkan oleh Akademi dan para pelajar wajib lulus sebagai syarat mendapatkan Sijil Pengajian Asasi Seni Kreatif.

ii. Kursus-kursus Fakulti (KF)

Kursus Fakulti mengandungi kursus pengkhususan yang ditetapkan oleh sesebuah Fakulti dan para pelajar wajib lulus sebagai syarat mendapatkan Sijil Pengajian Asasi Seni Kreatif.

Setiap kursus mempunyai makna dan bilangan iaitu:

Contoh:

Kod Kursus

Nama Kursus

PASK 0012

BAHASA INGGERIS KOMUNIKASI 1

Makna:

Angka pertama **0 012** mewakili tahun pengajian

Angka kedua dan ketiga **0 01 2** mewakili nombor bilangan kursus

Angka keempat **001 2** mewakili jumlah jam kredit

Kaedah Pembelajaran

Pengajaran dijalankan melalui kuliah, tutorial, studio, produksi dan makmal dengan Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Pelajar digalakkan belajar secara berkumpulan dan mendampingi para pensyarah bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

KURSUS-KURSUS PENGAJIAN ASASI SENI KREATIF

KATEGORI	SEMESTER 1	SEMESTER 2	SEMESTER 3
KURSUS AKADEMIK	Bahasa Inggeris Komunikasi 1 <i>English Communication 1</i> PASK 0012	Bahasa Inggeris Komunikasi 2 <i>English Communication 2</i> PASK 0092	Pengenalan Inovasi dan Keusahawanan <i>Introduction to Innovation and Entrepreneurship</i> PASK 0202
	Apresiasi Seni Tradisional <i>Traditional Arts Appreciation</i> PASK 0022	Tinjauan Industri Kreatif <i>Creative Industries Survey</i> PASK 0102	Pengenalan Media Baru <i>Introduction to New Media</i> PASK 0212
	Akal Budi Seni <i>Mind, Virtues, Art</i> PASK 0032	Komunikasi dan Pengucapan Awam <i>Communication and Presentation Skills</i> PASK 0112	

KATEGORI	SEMESTER 1	SEMESTER 2	SEMESTER 3
KURSUS FAKULTI		PARA PELAJAR WAJIB PILIH 12 JAM KREDIT DARI SENARAI KURSUS- KURSUS BERIKUT:	PARA PELAJAR WAJIB PILIH 12 JAM KREDIT DARI SENARAI KURSUS-KURSUS BERIKUT:
	Pengenalan Seni Rakaman <i>Introduction to Recording Arts</i> PASK 0042	Pembinaan Idea Penulisan Kreatif <i>Creative Writing Idea Development</i> PASK 0123	Asas Bahasa dalam Penulisan Kreatif <i>Fundamentals of Language in Creative Writing</i> PASK 0223
	Pengenalan Seni Persembahan <i>Introduction to Performing Arts</i> PASK 0052	Asas Sinematografi <i>Fundamentals of Cinematography</i> PASK 0133	Asas Kemahiran Menulis <i>Fundamentals of Writing Skills</i> PASK 0233
			Penyuntingan Awal <i>Beginning Editing</i> PASK 0243
			Asas Penerbitan Filem <i>Film Production Basic</i> PASK 0253

KATEGORI	SEMESTER 1	SEMESTER 2	SEMESTER 3	
	Pengenalan Seni Visual dan Rekaan <i>Introduction to Visual Art and Design</i> PASK 0062	Improvisasi Gerak <i>Movements Improvisation</i> PASK 0143	Asas Seni Lakon <i>Fundamentals of Acting</i> PASK 0263	
			Asas Vokal Untuk Lakonan <i>Basic Vocal for Acting</i> PASK 0273	
	Pengenalan Pengurusan Seni <i>Introduction to Arts Management</i> PASK 0072	Interpretasi Visual <i>Visual Interpretation</i> PASK 0153	Rekaan Visual <i>Visual Design</i> PASK 0283	
			Realisasi Visual <i>Visual Realisation</i> PASK 0293	
	Prinsip Penulisan Kreatif <i>Principle of Creative Writing</i> PASK 0082	Lukisan Asas <i>Basic Drawing</i> PASK 0163	Animasi 2D <i>2D Animation</i> PASK 0303	
			Grafik Komputer <i>Computer Graphics</i> PASK 0313	
			Gerak Silat <i>Silat Movement</i> PASK 0173	Asas dan Teknik Tari Malaysia <i>Fundamentals and Technique of Malaysian Dance</i> PASK 0323
				Asas dan Teknik Tari Barat <i>Fundamentals and Technique of Western Dance</i> PASK 0333
			Pengenalan Muzik <i>Introduction to Music</i> PASK 0183	Apresiasi Muzik <i>Music Appreciation</i> PASK 0343
				Ensembel Muzik <i>Music Ensemble</i> PASK 0353
			Pengurusan Seni Kreatif <i>Creative Arts Management</i> PASK 0193	Projek Seni <i>Arts Project</i> PASK 0363
				Pemasaran Seni <i>Arts Marketing</i> PASK 0373

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN ASASI SENI KREATIF

KATEGORI	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3	
KURSUS AKADEMI (KA)	PASK 0012	Bahasa Inggeris Komunikasi 1	PASK 0092	Bahasa Inggeris Komunikasi 2	PASK 0202	Pengenalan Inovasi dan Keusahawanan
	PASK 0022	Apresiasi Seni Tradisional	PASK 0102	Tinjauan Industri Kreatif	PASK 0212	Pengenalan Media Baru
	PASK 0032	Akal Budi Seni	PASK 0112	Komunikasi dan Pengucapan Awam		
KURSUS FAKULTI (KF)	PASK 0042	Pengenalan Seni Rakaman	PASK 0123	Pembinaan Idea Penulisan Kreatif	PASK 0223	Asas Bahasa dalam Penulisan Kreatif
	PASK 0052	Pengenalan Seni Persembahan			PASK 0233	Asas Kemahiran Menulis
	PASK 0062	Pengenalan Seni Visual dan Rekaan	PASK 0133	Asas Sinematografi	PASK 0243	Penyuntingan Awal
	PASK 0072	Pengenalan Pengurusan Seni			PASK 0253	Asas Penerbitan Filem
	PASK 0082	Prinsip Penulisan Kreatif	PASK 0143	Improvisasi Gerak	PASK 0263	Asas Seni Lakon
					PASK 0273	Asas Vokal Untuk Lakonan
			PASK 0153	Interpretasi Visual	PASK 0283	Rekaan Visual
					PASK 0293	Realisasi Visual
			PASK 0163	Lukisan Asas	PASK 0303	Animasi 2D
					PASK 0313	Grafik Komputer
			PASK 0173	Gerak Silat	PASK 0323	Asas dan Teknik Tari Malaysia
				PASK 0333	Asas dan Teknik Tari Barat	
		PASK 0183	Pengenalan Muzik	PASK 0343	Apresiasi Muzik	
				PASK 0353	Ensembel Muzik	
		PASK 0193	Pengurusan Seni Kreatif	PASK 0363	Projek Seni	
				PASK 0373	Pemasaran Seni	
	WAJIB mengambil SEMUA kursus iaitu tiga (3) Kursus Akademi (KA) dan lima (5) Kursus Fakulti (KF)		WAJIB mengambil tiga (3) Kursus Akademi (KA) dan WAJIB memilih empat (4) kursus [12 kredit] sahaja bagi Kursus Fakulti (KF)		WAJIB mengambil dua (2) Kursus Akademi (KA) dan WAJIB memilih dua (2) komponen Kursus Fakulti (KF) [setiap 1 komponen mengandungi 2 kursus] berkaitan berdasarkan dua (2) pilihan Fakulti	
	16 KREDIT		18 KREDIT		16 KREDIT	
	50 KREDIT KESELURUHAN SEMESTER (1 TAHUN PENGAJIAN)					



SINOPSIS KURSUS AKADEMIK (KA)

SEMESTER 1**PASK 0012 BAHASA INGGERIS KOMUNIKASI I**

Kursus ini memberikan fokus untuk membimbing dan melatih para pelajar menguasai dan menggunakan Bahasa Inggeris dalam berkomunikasi dengan yakin dan lancar.

PASK 0022 APRESIASI SENI TRADISIONAL

Kursus ini memberi tumpuan kepada nilai-nilai dalam setiap genre kesenian seni pentas tradisional mengikut lingkungan sosiobudayanya. Genre kesenian yang diutamakan adalah seni lagu, seni muzik, seni tari, seni teater, seni penceritaan serta alat-alat muzik utama dalam setiap persembahan. Skop perbincangan juga akan dibantu dengan bahan-bahan lain yang dapat menjana kefahaman. Kesedaran budaya dan seni wujud dengan timbulnya minat dan apresiasi dalam proses pembelajaran.

PASK 0032 AKAL BUDI SENI

Pemikiran kesenian, tujuan kesenian dan matlamatnya harus dilandaskan kepada kefahaman Timur yang melahirkan berbagai bentuk dan pengucapan kesenian melalui genre-genre kesenian tradisi. Asas keagamaan, pemikiran agama di dalam seni dan prinsip kelahiran budaya serta manifestasi seni harus ditakrif dan ditafsirkan semula apabila kesenian kini mulai kehilangan matlamat dan tujuannya. Kursus ini menghidupkan semula asas dan matlamat seni mengikut fahaman agama, budaya dan daya kreativiti Timur dan tradisional serta mengambil kira nilai-nilai murni di dalam kehidupan kesenian masyarakat Malaysia dan Asia moden.

SEMESTER 2**PASK 0092 BAHASA INGGERIS KOMUNIKASI 2**

Kursus ini adalah lanjutan dalam membimbing dan melatih para pelajar menguasai dan menggunakan Bahasa Inggeris dalam berkomunikasi dengan lebih yakin dan lancar.

PASK 0102 TINJAUAN INDUSTRI KREATIF

Kursus ini mendedahkan para pelajar mengenai cabaran-cabaran, kegiatan dan perkembangan industri kreatif. Pelajar akan dibimbing untuk membentangkan hujah-hujah mengenai isu-isu dalam industri kreatif.

PASK 0112 KOMUNIKASI DAN PENGUCAPAN AWAM

Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar peringkat asasi tentang kaedah, teknik dan pendekatan dalam pengucapan dan komunikasi untuk membolehkan pelajar memiliki kemahiran asas dalam aspek komunikasi secara lebih profesional.

SEMESTER 3**PASK 0202 PENGENALAN INOVASI DAN KEUSAHAWAN**

Kursus ini membina pengetahuan asas tentang bagaimana usahawan-usahawan dan organisasi membentuk dan mencapai nilai melalui inovasi di peringkat pasaran nasional dan antarabangsa. Kursus ini menerokai pelbagai pendekatan oleh organisasi-organisasi keusahawan serta kemahiran-kemahiran dan ciri-ciri yang diperlukan demi berjaya di dalam persekitaran global yang kompetitif.

PASK 0212 PENGENALAN MEDIA BARU

Kursus ini merupakan pendedahan awal kepada para pelajar berkenaan peranan dan pendekatan media baru kepada industri kreatif. Teknik analisa, pemantauan, kajian, dan pelaksanaan strategi di ajar dalam modul ini.



SINOPSIS KURSUS FAKULTI (KF)

SEMESTER 1**PASK 0042 PENGENALAN SENI RAKAMAN**

Kursus ini menyediakan pelajar kepada latihan-latihan asas penerbitan filem dan TV, rakaman serta penyuntingan bunyi serta mengasah daya kreatif pelajar dalam mencari cara dan kesesuaian mengutarakan visual sebagai medium untuk bercerita. Kursus ini juga akan menyentuh semua aspek penerbitan dan penyuntingan visual dan bunyi sesebuah penerbitan filem dan studio TV.

PASK 0052 PENGENALAN SENI PERSEMBAHAN

Kursus ini merupakan pengenalan terhadap jenis, konsep dan ciri-ciri seni pentas, khususnya berkenaan asal-usul dan evolusi perkembangan seni persembahan. Peninjauan kursus ini juga secara ringkas melihat kepada pertumbuhan serta perkembangan bidang teater mahupun tari dari dalam dan luar negara. Skop tinjauan terarah kepada tradisi Eropah, Amerika dan Asia.

PASK 0062 PENGENALAN SENI VISUAL DAN REKAAN

Kursus ini memberikan peluang kepada pelajar memahami kepentingan rekaan seni visual dalam sesebuah produksi merangkumi seni teater, tari, muzik, filem, animasi, grafik serta multimedia. Pelajar juga berkesempatan menterjemahkan sesuatu visual bagi menggambarkan sesuatu latar dan mood sesuatu babak atau keadaan dalam sesebuah produksi seni pentas.

PASK 0072 PENGENALAN PENGURUSAN SENI

Kursus ini memberi pengetahuan bagi pelajar yang mempunyai sedikit atau tiada latar belakang dalam pengurusan yang ingin membangunkan pemahaman teori dan praktikal tentang pengurusan seni dalam industri kreatif. Penekanan kursus ditumpukan kepada asas-asas pengurusan seni, pengurusan produksi dan pemasaran seni dalam pembelajaran yang berterusan, dan aplikasi suasana kerja yang sebenar.

PASK 0082 PRINSIP PENULISAN KREATIF

Kursus ini memperkenalkan aspek prinsip-prinsip asas penulisan kreatif (khususnya puisi dan cereka). Selain didedahkan dengan prinsip-prinsip gubahan puisi moden (sajak), para pelajar akan diperkenalkan dengan struktur asas sesebuah cereka, di samping memahami elemen-elemen penting yang terdapat di dalam penulisan naratif itu.

SEMESTER 2**PASK 0123 PEMBINAAN IDEA PENULISAN KREATIF**

Melalui kursus ini pelajar terlebih dahulu diberi kefahaman asas tentang bentuk-bentuk idea, sebelum idea-idea itu ditapis bagi mendapatkan idea terbaik untuk penulisan karya kreatifnya (cereka, drama dan lakon layar). Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan teknik serta kaedah pembangunan idea

PASK 0133 ASAS SINEMATOGRAFI

Kursus ini memberikan pengetahuan asas yang pragmatik serta sandaran ilmu estetik tentang sinematografi dan disiplin-disiplin yang berkaitan. Melalui modul ini pelajar akan didedahkan kepada komponen dan prinsip asas yang diguna pakai dalam rekaan visual, komposisi sinematografi dan tatacahaya. Ilmu dan kefahaman ini akan digunakan untuk merakam imej melalui kamera. Penekanan akan diberi kepada penggunaan kamera dan peranan sinematografi dari sudut penceritaan serta komunikasi visual.

PASK 0143 IMPROVISASI GERAK

Kursus ini merupakan subjek asas kepada pelajar dalam mengenal tubuh serta keupayaannya berinteraksi melalui kepelbagaian medium. Setiap tubuh manusia berbeza dalam melahirkan makna, perasaan, mood seterusnya memberi gerak timbal (tindak balas fizikal). Kursus ini memberi ruang pelajar menonjolkan keupayaan diri dan membentuk keyakinan diri.

PASK 0153 INTERPRETASI VISUAL

Kursus ini adalah gabungan pembelajaran lukisan dan fotografi. Pelajar akan diajar melalui pelbagai kaedah dalam lukisan dan fotografi iaitu mengenali bahan kajian, mengeksplorasi rupa dan bentuk melalui peranan cahaya dan arah cahaya.

PASK 0163 LUKISAN ASAS

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang unsur seni (seperti garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang dan warna) dan prinsip rekaan (seperti harmoni, penegasan,imbangan, kontra, irama & pergerakan, kepelbagaian dan kesatuan).

PASK 0173 GERAK SILAT

Kursus ini merupakan asas teknik seni silat yang merupakan seni mempertahankan diri masyarakat Melayu. Tujuan kursus ini ialah untuk memantapkan dan memusatkan tenaga bagi memperkuatkan stamina dan badan seorang penari. Pelajar akan memahami asas utama estetika gerak silat dan kemurnian olahan tubuh yang berjiwa Melayu.

PASK 0183 PENGENALAN MUZIK

Pengenalan muzik akan mendedahkan pelajar jurusan muzik atau tidak, pemuzik atau bukan pemuzik dengan asas-asas dalam musicianship termasuk notasi muzik, sistem melodi, harmoni, meter, dan ternik berirama serta meningkatkan kesedaran vokabolari muzik, semuanya dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman muzik setiap individu.

PASK 0193 PENGURUSAN SENI KREATIF

Kursus ini fokus untuk mendedahkan para pelajar kepada konsep, teori asas dalam pengurusan produksi dan amalan terbaik dalam menjayakan produksi dan acara. Pelajar juga akan didedahkan pada pelbagai kaedah untuk memastikan mutu produksi, acara dan projek dapat bersaing dalam industri semasa.

SEMESTER 3**PASK 0223 ASAS BAHASA DALAM PRINSIP PENULISAN KREATIF**

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan asas tentang penggunaan cara menggunakan Bahasa Melayu yang betul, tepat, sesuai dan berkesan dalam penulisan kreatif, terutama dalam menghasilkan karya cereka dan puisi serta naskah drama pentas. Tumpuan akan diberikan kepada asas tatabahasa, gaya bahasa dan seumpamanya, serta bagaimana menerapkannya dalam penghasilan karya. Bahasa dari sudut kreatif dan keberkesanannya sebagai wahana menyampaikan cerita dan pemikiran pengarang akan menjadi tumpuan utama kursus ini.

PASK 0233 ASAS KEMAHIRAN MENULIS

Kursus ini bertujuan memberi pemahaman dan pengenalan asas-asas penulisan deskriptif berdasarkan kaedah, pendekatan dan teknik yang tepat untuk membina kemahiran awal secara argumentatif, persuasif, informatif, edukatif dan kritikan.

PASK 0243 PENYUNTINGAN AWAL

Kursus ini menumpukan kepada teknik-teknik penceritaan melalui penyuntingan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penyuntingan. Pelajar akan dilatih berfikir sebagai seorang penyunting filem dan pereka bunyi serta pendedahan kepada konsep dan cara penyuntingan visual dan rekaan bunyi di makmal dan studio. Sebagai tambahan, pelajar juga akan didedahkan dengan komposisi muzik untuk filem iaitu kepentingan elemen muzik dalam filem. Pendedahan menjurus kepada kepelbagaian gaya muzik Timur dan Barat yang merangkumi sejarah, pemikiran, pendekatan, instrumentasi dan karya komposer-komposer muzik untuk filem terkenal.

PASK 0253 ASAS PENERBITAN FILEM

Kursus ini menyediakan pelajar kepada latihan-latihan asas penerbitan filem dan mengasah daya kreatif pelajar dalam mencari cara dan kesesuaian mengutarakan visual sebagai medium untuk bercerita. Kursus ini juga akan menyentuh semua aspek asas penerbitan sebuah produksi filem.

PASK 0263 ASAS SENI LAKON

Kursus ini memperkenalkan asas-asas lakonan dengan mengemukakan gabungan tiga disiplin iaitu gerak, suara dan ruang bagi memecahkan rasa gentar dan kaku dalam membentuk watak dan perwatakan berdasarkan teks dan improvisasi lakon. Pelajar akan dibiasakan dengan peralatan yang ada pada tubuh mereka kearah membentuk seorang pelakon yang baik

PASK 0273 ASAS VOKAL UNTUK LAKONAN

Pengenalan kepada asas vokal yang merangkumi kaedah-kaedah asas pernafasan, kesejajaran tubuh badan, teknik dan tenaga lontaran suara. Ianya dipraktikkan secara latihan studio yang merangkumi proses pengerjaan olah tubuh dan juga pengucapan vokal.

PASK 0283 REKAAN VISUAL

Kursus yang memberikan pengenalan dan pendedahan praktikal kepada pelajar mengenai proses menghasilkan sesuatu rekaan melalui proses 'technical research'. Melalui proses tersebut, pelajar didedahkan menggunakan aplikasi CAD & ADOBE dalam menjayakan sesuatu rekaan.

PASK 0293 REALISASI VISUAL

Kursus yang menjurus kepada pengenalan dan pendedahan berkenaan dengan proses merealisasikan rekaan secara teori dan praktikal khususnya kerja-kerja pembuatan set dan prop. Kursus ini juga mendedahkan tatacara kerja pertukangan dalam ruang bengkel yang mengambil kira aspek keselamatan serta teknik kemahiran menggunakan peralatan pertukangan. Pendedahan tentang teknik-teknik penggunaan dan pemasangan peralatan teknikal pentas seperti peralatan lampu dan audio.

PASK 0303 ANIMASI 2D

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dalam pengenalan kepada teknik-teknik asas penghasilan sebuah animasi 2D, penggunaan dan pembuatan animasi 2D di dalam praktis industri kreatif.

PASK 0313 GRAFIK KOMPUTER

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dalam pengenalan kepada teknik-teknik asas penghasilan sebuah rekaan grafik, penggunaan dan pembuatan komputer grafik di dalam praktis industri kreatif.

PASK 0323 ASAS DAN TEKNIK TARI MALAYSIA

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dalam pengenalan kepada keunikan Malaysia iaitu kepelbagaian kaumnya, maka dengan ini asas kepada Tarian Rakyat Melayu (Joget dan Asli), Tarian Cina (Tari Rakyat) dan Tarian Klasik India.

PASK 0333 ASAS DAN TEKNIK TARI BARAT

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dalam pengenalan asas kepada pelbagai bentuk tari yang berasal dari negara barat seperti Ballet, Modern Dance, Jazz dan gaya-gaya tarian yang berkaitan, teknik dari segi bentuk, estetika dan kefahaman gerak serta konsep, falsafah serta sejarah amnya dan teknik tarian serta bentuk kontemporari yang terhasil daripada teknik tradisional diperkenalkan serta dieksplorasi

PASK 0343 APRESIASI MUZIK

Kursus ini direka untuk memenuhi keperluan pelajar yang ingin memahami dengan lebih mendalam dan pengetahuan asas mendengar muzik . Asas-asas muzik akan digambarkan dengan contoh mendengar dan aktiviti lain yang direka bentuk untuk membimbing pelajar untuk kesedaran yang lebih besar daripada unsur-unsur muzik dan gaya.

PASK 0353 ENSEMBEL MUZIK

Kursus ini direka untuk pelajar yang ingin kefahaman dalam sesuatu amalan ensemble. Kursus ini membantu pelajar untuk membangunkan kemahiran untuk belajar muzik tradisional Melayu dan menimba ilmu daripada pelbagai *repertoire*

PASK 0363 PROJEK SENI

Kursus ini direka untuk pelajar yang ingin meneroka dan membangunkan pengetahuan dan kefahaman asas dalam pengurusan projek seni. Kursus ini membantu pelajar untuk melaksanakan satu projek seni dalam suasana industri yang sebenar.

PASK 0373 PEMASARAN SENI

Kursus ini direka untuk pelajar yang ingin meneroka dan membangunkan pengetahuan dan kefahaman asas dalam pemasaran seni. Kursus ini membantu pelajar untuk melaksanakan satu projek pemasaran seni dalam suasana industri yang sebenar.

KAKITANGAN & TENAGA AKADEMIK

SENARAI NAMA KAKITANGAN & TENAGA AKADEMIK**KETUA PROGRAM**

Encik Rosman Ishak

PEGAWAI TADBIR

Puan Intan Carina Abd. Karim

PENSYARAH-PENSYARAH

▪ Encik Rosman Ishak	▪ Encik Mohd Khair Abdul Latif
▪ Cik Jolaina M Nasser	▪ Cik Siti Noraisyah Binti Abd. Rahman
▪ Dr. Azman Ismail	▪ Encik Mohd Nur Faillul Bin Adam
▪ Encik Abdullah Mohd Ali	▪ Encik Rahbeni Mutaal
▪ Encik Dzul Karnain Abdullah	▪ Encik Mohd Adika Zainal
▪ Encik Marzuki Abdullah	▪ Encik Azrie Izham
▪ Encik Mohd Ramlan Imam	▪ Encik Teuku Umar Ilany Teuku Iskandar
▪ Encik Mohd Safwan Ahmad	▪ Encik Muhamad Syukor Datuk Ibrahim
▪ Encik Tengku Iefizulasyrifie Putra Tengku Alaudin	▪ Puan Engku Nor Zalifah Engku Abdul Rased
▪ Encik Saiful Azhar Bin Mohd	▪ Cik Ng Xinying
▪ Puan Murni Omar	▪ Puan Norbaizura Abdul Ghani
▪ Puan Anis Shamshinar Ahmad	▪ Encik Akashdeep Singh A/L Hardial Singh
▪ Encik Mahantheran A/L Maxwel	



PERATURAN AKADEMIK



BAB A TAKRIF

1.1 Akademi

“Akademi” ialah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta 653.

1.2 Lembaga Pengarah

“Lembaga Pengarah” ialah Lembaga Pengarah Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 8 Akta 653.

1.3 Lembaga Pengajian

“Lembaga Pengajian” ialah Lembaga Pengajian Akademi yang ditubuhkan di bawah Seksyen 12 Akta 653. Lembaga Pengajian bertanggungjawab meneliti dan mengesahkan perkara-perkara mengenai kurikulum, silibus, lantikan tenaga pengajar dan lain-lain hal berkaitan kemajuan akademik.

1.4 Pengerusi

“Pengerusi” bermaksud Pengerusi kepada Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 8 Akta 653.

1.5 Rektor

“Rektor” bermaksud Rektor Akademi yang dilantik di bawah Seksyen 13 Akta 653 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Akademi.

1.6 Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik

“Timbalan Rektor HEA” adalah seperti yang dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 13 Akta 653.

1.7 Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

“Timbalan Rektor HEP” adalah seperti yang dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 13 Akta 653.

1.8 Pendaftar

“Pendaftar” adalah pegawai yang ditentukan oleh Lembaga di bawah Seksyen 14 Akta 653.

1.9 Bendahari

“Bendahari” adalah Pegawai Kewangan yang dilantik oleh Lembaga di bawah Seksyen 15 Akta 653.

1.10 Fakulti, Jabatan/Pusat

Fakulti, Jabatan/Pusat bermaksud mana-mana entiti akademik yang ditubuhkan di bawah Seksyen 6 Akta 653.

1.11 Dekan/ Ketua Fakulti/ Jabatan/Pusat

Ketua Fakulti, Jabatan/Pusat adalah seperti yang dilantik oleh Lembaga Pengarah samada secara tetap, kontrak, sambilan atau pinjaman untuk mengetuai sesebuah Fakulti, Jabatan/Pusat.

1.12 Pegawai Akademi

Pegawai Akademi adalah seperti dilantik oleh Lembaga Pengarah ASWARA.

1.13 Sesi Akademik

Sesi Akademik adalah satu tempoh selama tiga semester dalam sesuatu tahun pengajian.

1.14 Semester

Semester adalah sesuatu tempoh pengajian di dalam sesi akademik selama lapan belas (18) minggu termasuk minggu peperiksaan dan cuti semester.

1.15 Kursus

Kursus ertinya mata pelajaran atau latihan yang disenaraikan dalam modul pengajian yang disediakan dalam satu tempoh tertentu.

1.16 Tenaga Pengajar

Tenaga Pengajar adalah mana-mana individu yang dilantik oleh Akademi yang difikirkan sesuai memberi pendidikan secara formal dan praktikal.

1.17 Jawatankuasa Peperiksaan ASWARA

Jawatankuasa Peperiksaan ASWARA adalah jawatankuasa yang dilantik oleh Rektor ASWARA.

1.18 Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan

Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan adalah jawatankuasa yang dilantik oleh Rektor ASWARA.

1.19 Jawatankuasa Rayuan Masuk Semula

Jawatankuasa Rayuan Masuk Semula adalah jawatankuasa yang dilantik oleh Rektor ASWARA.

1.20 Jawatankuasa Kecurangan Akademik

Jawatankuasa Kecurangan Akademik adalah jawatankuasa yang dilantik oleh Rektor ASWARA.

1.21 Pelajar

Pelajar bererti seseorang yang berdaftar dan yang mengikuti apa-apa jenis program pengajian di Akademi sebagaimana yang ditakrif dan diperakukan iaitu Pelajar Sijil Asasi Seni Kreatif adalah seseorang yang mengikuti sesuatu program pengajian Asasi Seni Kreatif secara sepenuh masa di dalam tempoh masa yang ditetapkan.

1.22 Daftar Pelajar

Seseorang pelajar perlu mendaftar pada setiap semester pengajian bagi mengekalkan status aktif sebagai pelajar Akademi.

1.23 Gugur Status Pelajar

Status seseorang pelajar akan gugur sekiranya tidak mendaftar sebagai pelajar Akademi atau tidak membuat pendaftaran kursus program pengajian dalam **tempoh 7 hari** bagi sesuatu semester atau atas sebab-sebab lain yang ditentukan oleh Akademi.

1.24 Tindakan Tatatertib

Tindakan Tatatertib ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan peruntukan di bawah Akta 653 Bahagian V Seksyen 17.

1.25 Jam Kredit

Jam Kredit adalah pemberat dalam unit jam yang diberi untuk sesuatu kursus akademik. Satu (1) jam kredit adalah satu (1) jam temu untuk kuliah seminggu bagi tempoh empat belas (14) minggu perkuliahan.

1.26 Ko-Kurikulum

Ko-Kurikulum adalah kegiatan kuliah atau luar kuliah yang dianjurkan oleh Akademi atau organisasi Luar di bawah penyelian akademi yang menyokong kepada pembelajaran di Akademi.

1.27 Komponen Kurikulum Pengajian

Komponen kurikulum pengajian Asasi Seni Kreatif adalah terdiri daripada kursus akademi dan kursus fakulti.

1.28 Kurikulum Pengajian Bagi Program Pengajian Asasi Seni Kreatif

Seseorang pelajar perlu melengkapkan **Lima Puluh (50) unit jam kredit** untuk dianugerahkan Sijil Asasi Seni Kreatif.

Jadual 1: Pecahan Jumlah Unit Jam Kredit Keseluruhan Kurikulum Program Pengajian Sijil Asasi Seni Kreatif

KOMPONEN KURIKULUM PENGAJIAN	JUMLAH KREDIT
Kursus Akademi	26
Kursus Fakulti	24
JUMLAH JAM KREDIT UNIT KESELURAHAN	50

1.29 Daftar Kursus

Seseorang pelajar hendaklah membuat pendaftaran bagi setiap kursus yang diambil pada sesuatu semester sebagai syarat menghadiri kuliah dan syarat menduduki peperiksaan.

1.30 Status Kursus

Status Kursus merupakan status yang ditentukan mengikut klasifikasi yang didaftarkan seperti yang ditentukan Akademi.

1.31 Penilaian

Penilaian adalah pengukuran terhadap pencapaian pelajar yang dinilai secara berterusan meliputi kerja-kerja produksi, makmal, bengkel, tutorial, studio, kerja-kerja lapangan, projek, kertas kerja, latihan ilmiah, ujian bertulis dan peperiksaan.

1.32 Pemeriksa/Penilai/Moderator

Penilai ialah seorang tenaga pengajar yang dilantik oleh Akademi bagi menjalankan tugas-tugas penilaian dan peperiksaan bagi sesuatu tempoh termasuk:

- 1.32.1 Menentukan kaedah dan kualiti penilaian
- 1.32.2 Menyediakan kertas soalan peperiksaan dan skema jawapan
- 1.32.3 Membuat penilaian atau memeriksa kertas jawapan
- 1.32.4 Menilai prestasi pelajar bagi sesuatu kursus

1.33 Status Penilaian

Status Penilaian merupakan status yang diberikan kepada sesuatu kursus berdasarkan gred keputusan peperiksaan pelajar yang telah melalui proses penilaian atau peperiksaan.

1.34 Peperiksaan

Peperiksaan akhir bertulis dan peperiksaan praktikal/amali yang ditentukan di Akademi.

1.35 Peperiksaan Ulangan

Peperiksaan Ulangan adalah peperiksaan yang diduduki oleh seseorang pelajar setelah gagal di dalam sesuatu peperiksaan. Peperiksaan ini adalah dikhususkan untuk kursus-kursus yang ditetapkan oleh Akademi sahaja. Seseorang pelajar diberi peluang menduduki peperiksaan ulangan dan sekiranya pelajar berkenaan gagal di dalam peperiksaan ulangan maka pelajar perlu mengulang kursus berkenaan.

1.36 Peperiksaan Khas

Peperiksaan akhir bertulis dan peperiksaan praktikal/amali yang diadakan semula dengan kelulusan Akademi untuk pelajar-pelajar.

1.37 Ketua Pengawas Peperiksaan

Ketua Pengawas adalah tenaga akademik yang dilantik oleh Akademi yang bertanggungjawab untuk mengetuai sesebuah peperiksaan.

1.38 Pengawas Peperiksaan

Pegawas Peperiksaan adalah tenaga akademik yang dilantik oleh Akademi yang bertanggungjawab membantu Ketua Pengawas dalam sesebuah peperiksaan.

1.39 Gaya ASWARA

Gaya ASWARA adalah panduan yang disediakan oleh akademi kepada pelajar untuk tujuan menyediakan kertas kerja, latihan ilmiah, penilaian tahun akhir, jurnal, kerja kursus, laporan, skrip dan seumpamanya.

1.40 Gred

Gred merupakan suatu nilai dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu penilaian.

1.41 Nilai Gred

Nilai Gred adalah suatu nilai dalam bentuk angka bagi menunjukkan pencapaian seseorang pelajar dalam sesuatu penilaian/peperiksaan.

1.42 Nilai Kredit

Nilai Kredit adalah angka hasil daripada pendaraban nilai gred.

$$\text{Nilai Kredit} = (\text{Nilai Gred}) \times (\text{Jam Kredit})$$

1.43 Purata Nilai Gred (PNG) atau Grade Point Average (GPA)

Purata Nilai Gred (PNG) atau *Grade Point Average (GPA)* merupakan suatu nilai purata pencapaian seseorang pelajar pada sesuatu semester bagi semua kursus/peperiksaan yang diambil pada semester berkenaan adalah dikira seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah nilai kredit yang diperolehi dalam sesuatu semester}}{\text{Jumlah jam kredit yang diambil dalam semester yang sama}}$$

1.44 Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) atau Cumulative Grade Point Average (CGPA)

Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) atau *Cumulative Grade Point Average (CGPA)* merupakan suatu himpunan nilai purata pencapaian seseorang pelajar bagi semua kursus/peperiksaan yang diambil sehingga semester terakhir adalah dikira seperti berikut:

$$\text{HPNG} = \frac{\text{Jumlah nilai kredit yang diperolehi dalam semua peperiksaan}}{\text{Jumlah jam kredit yang diambil dalam semua peperiksaan}}$$

1.45 Jadual Nilai Gred

Jadual Nilai Gred menunjukkan penerangan pencapaian seseorang pelajar dalam peperiksaan bagi sesuatu kursus.

Jadual : Jadual Nilai Gred

MARKAH	GRED	MAKNA	NILAI GRED
90 – 100	A	Lulus dengan cemerlang	4.00
80 – 89	A-		3.67
75 – 79	B+	Lulus dengan kepujian	3.33
70 – 74	B		3.00
65 – 69	B-		2.67
60 – 64	C+	Lulus dengan memuaskan	2.33
55 – 59	C		2.00
50 – 54	C-		1.67
40 – 49	D	Lulus	1.00
39 kebawah	F	Gagal	0.00

1.46 Status Keputusan Peperiksaan

Status Keputusan Peperiksaan adalah status yang diberikan kepada pelajar berdasarkan Purata Nilai Gred (PNG) dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG).

1.47 Slip Peperiksaan

Slip Peperiksaan adalah penyata terperinci mengenai senarai status kursus yang didaftarkan oleh seseorang pelajar yang layak sebagai syarat kebenaran menduduki peperiksaan.

1.48 Slip Keputusan Peperiksaan

Slip Keputusan Peperiksaan adalah penyata terperinci keputusan peperiksaan seseorang pelajar bagi sesuatu semester.

1.49 Kebenaran Tidak Menduduki Peperiksaan

Kebenaran Tidak Menduduki Peperiksaan adalah permohonan yang dipohon oleh pelajar dan perlu diperakukan kepada pihak Akademi.

1.50 Kecurangan Akademik

Kecurangan akademik adalah pelajar yang melakukan salah laku atau penyelewangan akademik dan boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta 653 Bahagian V Seksyen 17.

1.51 Mengulang Kursus

Mengulang Kursus adalah kursus yang diambil semula oleh seseorang pelajar yang gagal dalam sesuatu kursus samada kursus akademi iaitu kursus fakulti. Pelajar boleh mengulang kursus yang gagal pada masa kursus tersebut ditawarkan pada sesuatu semester. Bagi kursus fakulti yang gagal, pelajar boleh mengulang semula kursus tersebut atau menggantikan dengan kursus yang lain sebagai memenuhi syarat penganugerahan.

1.52 Penangguhan Pengajian

Penangguhan Pengajian adalah cuti yang diluluskan kepada seseorang pelajar yang telah mengikuti pengajian sekurang-kurangnya satu (1) semester pengajian di atas sebab-sebab tertentu yang diluluskan oleh Akademi.

1.53 Tempoh Penggantungan

Tempoh Penggantungan adalah tempoh seseorang pelajar digantung pengajiannya sebagai pelajar Akademi kerana kesalahan tatatertib atau kecurangan akademik.

1.54 Tamat Pengajian

Tamat Pengajian ialah status yang diberikan kepada pelajar yang telah lulus dan memenuhi semua keperluan akademik seperti yang telah ditetapkan sebagai syarat penganugerahan.

1.55 Penganugerahan Akademik

Penganugerahan akademik adalah penganugerahan yang diberikan kepada pelajar yang telah memenuhi semua keperluan akademik yang telah ditetapkan oleh Akademi serta mendapat perakuan Lembaga Akademi. Penganugerahan Akademik yang diberikan adalah Sijil Asasi Seni Kreatif.

1.56 Pengurniaan Kecemerlangan Akademik

Pengurniaan Kecemerlangan Akademik diberikan berdasarkan pencapaian keputusan peperiksaan pelajar yang memenuhi syarat-syarat seperti yang ditentukan oleh Akademi.

1.57 Transkrip

Transkrip adalah penyata terperinci keputusan peperiksaan sepanjang tempoh pengajian seseorang pelajar yang dikeluarkan oleh Akademi.

1.58 Skrol

Skrol ialah dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Akademi sebagai pengesahan penganugerahan akademik kepada seseorang pelajar.



BAB B PERATURAN & PROSEDUR

2.1 Kemasukan Pelajar

Peraturan kemasukan pelajar Akademi adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 2.1.1 Calon yang memohon kemasukan ke Program Pengajian Asasi Seni Kreatif mestilah:
1. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu; **ATAU**
 2. LULUS *Unified Examination Certificate* (UEC) dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu; **ATAU**
 3. LULUS O-LEVEL dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam lima (5) mata pelajaran; **ATAU**
 4. KELAYAKAN-KELAYAKAN LAIN yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA); **DAN**
 5. LULUS TEMUDUGA yang telah ditetapkan oleh ASWARA.
- 2.1.2 Pelajar yang diberhentikan atas **findakan tatatertib** tidak dibenarkan memohon kemasukan semula ke mana-mana program pengajian Akademi.
- 2.1.3 Pelajar sihat fizikal dan mental serta berupaya untuk mengikuti program pengajian di Akademi.
- 2.1.4 Pelajar tidak terlibat dengan sebarang aktiviti penyalahgunaan dadah. Ujian saringan dadah akan diadakan dari semasa ke semasa di dalam tempoh pengajian.

2.2 Status Pelajar Akademi

Status Pelajar Akademi adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 2.2.1 Mendaftar sebagai pelajar untuk mengikuti program pengajian Asasi Seni Kreatif di Akademi sebagaimana yang ditakrif dan diperakukan oleh Akademi bagi kemasukan pelajar baru.
- 2.2.2 Mendaftar sebagai pelajar dalam tempoh yang dibenarkan pada setiap semester pengajian sebagaimana yang ditetapkan dalam kalendar akademik.

- 2.2.3 Mendaftar kursus dan mengikuti kuliah pada setiap semester pengajian.
- 2.2.4 Menjelaskan yuran pengajian pada setiap semester pengajian dalam tempoh yang dibenarkan oleh Akademi.
- 2.2.5 Denda akan dikenakan kepada pelajar yang lewat membuat pendaftaran pelajar dari tarikh pendaftaran rasmi. Kadar denda sebanyak **RM50.00** dikenakan pada hari pertama lewat dan **RM10.00** untuk hari berikutnya dengan jumlah maksimum **RM150.00**.
- 2.2.6 Status pelajar akan gugur sekiranya tidak mendaftar sebagai pelajar Akademi atau tidak membuat pendaftaran kursus program pengajian dalam **tempoh 14 hari** bagi sesuatu semester atau atas sebab-sebab lain yang ditentukan oleh Akademi.

2.3 Syarat Akademik

Seseorang pelajar perlu mematuhi Syarat Akademik sebagai melengkapkan keperluan untuk memperolehi Sijil Asasi Seni kreatif.

2.3.1 Komponen Kursus

Seseorang pelajar dikehendaki mendaftar dan lulus semua kursus dalam komponen berikut:

- 2.3.1.1 Kursus Akademi (KA)
- 2.3.1.2 Kursus Fakulti (KF)
(Rujuk Jadual 1 Perkara 1.27)

2.3.2 Penawaran Kursus

Sesebuah kursus hanya akan dijalankan jika terdapat sekurang-kurangnya **lima (5) orang** atau lebih pelajar yang mendaftar, kecuali terdapat satu (1) orang atau lebih pelajar yang **wajib** mengambil kursus berkenaan.

2.4 Pendaftaran Kursus

- 2.4.1 Pendaftaran Kursus
 - 2.4.1.1 Peraturan pendaftaran kursus Sijil Asasi Seni kreatif adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :
 - 2.4.1.1.1 Pendaftaran kursus hendaklah dibuat sebelum semester baru dibuka dalam **tempoh 14 hari** atau semasa peperiksaan akhir bertulis sesuatu semester sedang dijalankan.

- 2.4.1.1.2 Pelajar perlu menghadiri semua kursus yang telah didaftarkan sebagai syarat menduduki peperiksaan dan slip peperiksaan akan dicetak berdasarkan kursus yang telah didaftarkan.
 - 2.4.1.1.3 Seseorang pelajar yang tidak menjelaskan yuran pengajian tertunggak tidak dibenarkan mendaftar kursus.
- 2.4.1.2 Prosedur pendaftaran kursus pelajar adalah seperti berikut :
- 2.4.1.2.1 Pendaftaran kursus dibuat secara **online** melalui Portal Pelajar ASWARA.
 - 2.4.1.2.2 Pendaftaran kursus dibuat sebelum semester baru dibuka dalam **tempoh 14 hari** atau semasa peperiksaan akhir bertulis sesuatu semester sedang dijalankan.
 - 2.4.1.2.3 Pelajar perlu memberi perhatian kepada kod, nama dan status kursus yang didaftarkan, memenuhi pra-syarat kursus yang ingin didaftarkan serta mengetahui jumlah jam kredit maksimum dan minimum yang dibenarkan semasa melengkapkan borang pendaftaran kursus.
 - 2.4.1.2.4 Pendaftaran kursus secara **online** akan disahkan oleh Ketua Program Asasi Seni Kreatif sebelum diluluskan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik.
 - 2.4.1.2.5 Seseorang pelajar yang lewat mendaftar dari **tempoh empat belas (14) hari** yang telah ditetapkan oleh Akademi akan dikenakan denda. Kadar denda sebanyak **RM10.00** dikenakan pada hari pertama lewat dan **RM10.00** untuk hari berikutnya dengan jumlah maksimum **RM150.00**.
 - 2.4.1.2.6 Sebarang rayuan **tidak akan dilayan** melainkan atas sebab-sebab yang diterima oleh Akademi.
- 2.4.2 Pendaftaran Kursus Akademi (KA)
- 2.4.2.1 Seseorang pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua kursus akademik seperti yang telah ditetapkan oleh Akademi sebagai memenuhi syarat penganugerahan.
(Rujuk Jadual 1 Perkara 1.27)

2.4.2.2 Jika pelajar gagal dalam sesebuah Kursus Akademik maka seseorang pelajar itu dikehendaki mengulang kursus tersebut semula mengikut semester yang ditawarkan.

2.4.3 Pendaftaran Kursus Fakulti (KF)

2.4.3.1 Seseorang pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua kursus Fakulti seperti yang telah ditetapkan oleh Akademi sebagai memenuhi syarat penganugerahan.

(Rujuk Jadual 1 Perkara 1.27)

2.4.3.2 Pelajar digalakkan mendapatkan khidmat nasihat Pusat Pengajian Asasi Seni Kreatif mengenai pemilihan kursus Fakulti.

2.4.3.3 Jika pelajar gagal dalam sesebuah Kursus Fakulti maka seseorang pelajar itu boleh mengulang kursus tersebut semula mengikut semester yang ditawarkan atau boleh mengambil Kursus Fakulti yang lain sebagai ganti kursus yang gagal.

2.4.4 Penambahan dan Pengguguran Kursus

2.4.4.1 Seseorang pelajar yang telah mendaftar sesuatu kursus boleh memohon membuat penambahan atau menggugurkan sesuatu kursus yang telah didaftar dalam **tempoh 14 hari** selepas semester baru dibuka.

2.4.4.2 Tambah dan gugur kursus boleh dibuat secara **online** melalui Portal Pelajar ASWARA.

2.4.4.3 Penambahan dan pengguguran kursus secara **online** akan disahkan oleh Ketua Program Asasi Seni Kreatif sebelum diluluskan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik.

2.4.4.4 Tambah dan gugur kursus selepas dari tempoh yang ditetapkan oleh Akademi adalah **tidak dilayan** melainkan atas sebab-sebab yang diterima oleh akademi.

2.4.4.5 Seseorang pelajar yang lewat membuat penambahan / pengguguran kursus dari tempoh empat belas (14) hari yang telah ditetapkan oleh Akademi akan dikenakan denda. Kadar denda sebanyak **RM10.00** dikenakan pada hari pertama lewat dan **RM10.00** untuk hari berikutnya dengan jumlah maksimum **RM150.00**.

- 2.4.4.6 Pelajar dianggap sah menduduki kursus yang didaftarkan selepas tempoh proses tambah dan gugur kursus ditutup dan keputusan adalah muktamad.

2.5 Tempoh Pengajian

2.5.1 Pengajian Sijil Asasi Seni Kreatif

- 2.5.1.1 Seseorang pelajar yang mengikuti pengajian mesti menghabiskan tempoh pengajian sekurang-kurangnya **tiga (3) semester** atau **1 tahun** atau **semaksimum enam (6) semester** atau **2 tahun**.
- 2.5.1.2 Pelajar tidak boleh mengikuti pengajian sepenuh masa di lain-lain institusi pengajian selain di Akademi sepanjang tempoh pengajian termasuk semasa penangguhan pengajian.

2.5.2 Pengajian Diploma ke Sijil Asasi Seni Kreatif

- 2.5.2.1 Pelajar Diploma yang diberhentikan atas sebab-sebab akademik boleh memohon untuk mengikuti pengajian Asasi Seni Kreatif dengan memenuhi syarat-syarat kemasukan serta dengan kelulusan Akademi.
- 2.5.2.2 Pelajar Diploma yang sedang di dalam tempoh penangguhan pengajian tidak dibenarkan mengikuti pengajian Sijil Asasi Seni Kreatif.

2.5.3 Penangguhan Pengajian

- 2.5.3.1 Peraturan penangguhan pengajian adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :
- 2.5.3.1.1 Permohonan penangguhan pengajian/cuti khas dipohon selewat-lewatnya **tiga puluh (30) hari** sebelum peperiksaan akhir dijalankan.
- 2.5.3.1.2 Tempoh penangguhan ini tidak akan diambilkira sebagai tempoh pengajian yang ditetapkan oleh Akademi.
- 2.5.3.1.3 Had maksimum permohonan penangguhan hanya satu (1) sesi pengajian sahaja sepanjang tempoh program pengajian yang diikuti.

2.5.3.1.4 Kelulusan penangguhan pengajian akan ditentukan oleh jawatankuasa khas yang dilantik oleh Akademi.

2.5.3.2 Prosedur penangguhan pengajian adalah seperti berikut:

2.5.3.2.1 Permohonan penangguhan pengajian dibuat menggunakan **Borang ASWARA/HEA (Penangguhan Pengajian)** yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik.

2.5.3.2.2 Borang penangguhan pengajian perlu mendapat pengesahan daripada Pusat pengajian dan pelajar dikehendaki menghadiri sesi kaunseling sebelum dirujuk ke Bahagian Kemasukan dan Rekod.

2.5.3.2.3 Keputusan permohonan penangguhan pengajian akan dimaklumkan oleh Bahagian Kemasukan dan Rekod dalam tempoh **empat belas (14) hari** bekerja.

2.5.3.2.4 Pelajar yang menangguh pengajian hendaklah membuat pendaftaran semula pada sesi yang ditetapkan.

2.5.3.3 Alasan penangguhan pengajian adalah seperti berikut:

2.5.3.3.1 Pelajar yang sakit dalam tempoh yang lama boleh diberi penangguhan pengajian untuk sesi tertentu oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Rektor berasaskan perakuan pegawai perubatan yang diiktiraf oleh Akademi.

2.5.3.3.2 Perakuan daripada ibu bapa atau penjaga boleh dipertimbangkan bagi kes-kes tertentu.

2.5.4 Penggantungan Pengajian

2.4.1.1 Seseorang pelajar boleh digantung oleh Akademi sebagaimana yang diperuntukan dalam Akta 653 Bahagian V Seksyen 25; dan

2.4.1.2 Seseorang pelajar boleh digantung pengajian oleh Jawatankuasa Kecurangan Akademik bagi sesuatu tempoh

semester dan tempoh tersebut diambilkira sebagai tempoh pengajian

2.4.2 Berhenti Pengajian

2.4.2.1 Permohonan berhenti pengajian hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik.

2.4.2.2 Pelajar boleh diberhentikan daripada Akademi apabila:

2.4.2.2.1 berhenti tanpa membuat permohonan mengikut keperluan Bahagian 2.4.2, Perkara 2.4.2.1; atau

2.4.2.2.2 dikenakan hukuman tatatertib mengikut keperluan.

2.4.2.2.3 gagal hadir ke kuliah atau kelas bagi kursus yang didaftarkan melebihi 20% tanpa memaklumkan kepada pensyarah yang mengajar; atau

2.4.2.2.4 Pelajar yang melepasi tempoh maksimum pengajian.

2.4.2.2.5 Pelajar yang memperolehi kurang daripada HPNG 2.00 pada mana-mana semester.

2.4.2.2.6 Pelajar yang menangguh atau ditangguhkan pengajian melebihi tempoh yang ditetapkan mengikut keperluan Bahagian 2.53, Perkara 2.5.3.1.4.

2.6 Kehadiran Pelajar

2.6.1 Kehadiran pelajar

2.6.1.1 Semua pelajar diwajibkan menghadiri semua kelas yang ditetapkan pada setiap kursus yang didaftarkan. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar memastikan bahawa pensyarah kursus tersebut dimaklumkan tentang ketidakhadirannya.

2.6.1.2 Adalah menjadi tanggungjawab pensyarah untuk menyimpan rekod kehadiran pelajar.

2.6.2 Ketidakhadiran Pelajar

2.6.2.1 Apabila ketidakhadiran seseorang pelajar melebihi 20%, pensyarah kursus berkenaan hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada Pusat Pengajian Asasi Seni Kreatif.

2.6.2.2 Pusat Pengajian Asasi Seni Kreatif hendaklah melaporkan perkara ini kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik setelah diputuskan sama ada:

- a) tidak membenarkan pelajar mengikuti perkuliahan yang seterusnya bagi kursus tersebut; atau
- b) tidak membenarkan pelajar menduduki sebarang penilaian kursus yang seterusnya; atau
- c) tidak membenarkan pelajar menduduki peperiksaan pada kursus tersebut dengan diberikan status dihalang (X1).

2.6.3 Pengecualian Kehadiran

2.6.3.1 Seseorang pelajar adalah dibenarkan mendapat pengecualian dari menghadiri kuliah dan tutorial disebabkan;

- a) kematian atau sakit tenat ibu bapa atau penjaga atau suami atau isteri atau anak atau sebab-sebab lain yang munasabah dengan syarat pelajar memohon cuti ehsan kepada Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik; atau
- b) masalah kesihatan dengan syarat pelajar mengemukakan sijil sakit atau laporan kesihatan yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau mana-mana doktor yang diperakui oleh Akademi kepada pelajar yang berkenaan dalam tempoh 48 jam setelah berakhirnya tarikh cuti sakit yang diberikan; atau
- c) terlibat dengan aktiviti Akademi atau mana-mana persatuan atau kelab yang berdaftar di Akademi atau aktiviti Pusat Pengajian Asasi Seni Kreatif, dengan syarat mendapat kebenaran daripada Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik; atau
- d) Sebab-sebab lain yang melibatkan kepentingan Akademi.

2.7 Penilaian

2.7.1 Peperiksaan Akhir Sesi

2.7.1.1 Peperiksaan akhir sesi hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan setelah minggu perkuliahan yang ditetapkan oleh Akademi.

2.7.1.2 Setiap pelajar Akademi yang telah mendaftar kursus pada sesi tersebut diwajibkan menduduki peperiksaan bagi kesemua kursus yang telah didaftarkan kecuali kursus tersebut tiada penilaian peperiksaan akhir.

2.7.2 Peperiksaan Ulangan

2.7.2.1 Peperiksaan ulangan boleh diadakan bagi pelajar yang memperolehi kebenaran penangguhan peperiksaan semester seperti yang dinyatakan dalam keperluan Bahagian 2.7

2.7.2.2 Pelajar yang layak menduduki peperiksaan ulangan dikehendaki membayar yuran peperiksaan ulangan yang ditentukan bagi satu kursus sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan.

2.7.3 Peperiksaan Semula

2.7.3.1 Akademi berhak mengadakan peperiksaan semula sekiranya diperlukan.

2.7.4 Peperiksaan Khas

2.7.4.1 Akademi boleh membenarkan Peperiksaan Khas bagi kes-kes berikut:

- i) Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir kerana disahkan sakit oleh hospital kerajaan
- ii) Pelajar yang kematian ibu / bapa / penjaga / suami / isteri / anak
- iii) Pelajar semester akhir yang gagal kursus pada semester berkenaan untuk tujuan pengijazahan
- iv) Sebab-sebab lain yang dapat diterima oleh Akademi

2.7.4.2 Peperiksaan khas tidak boleh diadakan bagi kes-kes seperti berikut:

- i) Kursus yang tidak ada peperiksaan akhir
- ii) Pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir tanpa sebab yang boleh diterima oleh Akademi ; atau
- iii) Pelajar yang dilarang/dihalang menduduki peperiksaan akhir

2.7.4.3 Pelajar perlu membuat permohonan menggunakan Borang Permohonan Peperiksaan Khas dengan melampirkan dokumen sokongan dan diajukan kepada Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan dalam tempoh (2) dua minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan

- 2.7.4.4 Peperiksaan Khas boleh diduduki sekali sahaja. Sekiranya masih gagal, pelajar wajib mengulang kursus tersebut tetapi tertakluk dalam tempoh maksimum dua (2) tahun pengajian sahaja
- 2.7.4.5 Pelajar akan memperoleh status Y dan markah Peperiksaan Khas hanya menggantikan komponen peperiksaan akhir sahaja manakala kerja kursus adalah kekal

2.7.5 Kebenaran Menduduki Peperiksaan

- 2.7.5.1 Kebenaran menduduki peperiksaan akhir bagi sesuatu semester adalah berlandaskan Slip Peperiksaan mengikut kursus yang telah di daftar di bawah perkara 2.4.1.2 ; dan
- 2.7.5.2 Pengecualian bagi seseorang pelajar adalah tertakluk kepada Perkara 2.6.3
- 2.7.5.3 Sebarang perubahan dalam Slip Peperiksaan perlu dimajukan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik untuk pengesahan dalam tempoh **dua (2) minggu** sebelum peperiksaan serta tertakluk kepada keputusan pihak Akademi.
- 2.7.5.4 Pelajar yang gagal membawa dan mengemukakan Slip Peperiksaan tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
- 2.7.5.5 Kebenaran Menduduki Peperiksaan bagi sesuatu sesi atau kursus yang didaftarkan tidak diberikan kepada pelajar yang;
 - a) gagal menjelaskan yuran pengajian dan bayaran-bayaran lain yang ditetapkan oleh Akademi; atau
 - b) didapati bersalah dan menghadapi tindakan penggantungan oleh Jawatankuasa Tatatertib dan menjejaskan kehadiran calon untuk menduduki peperiksaan pada sesi tersebut; atau
 - c) gagal menyempurnakan dan mematuhi syarat-syarat kerja kursus yang ditetapkan oleh program pengajian; atau
 - d) mendapat status dihalang (DHLG) bagi sesuatu kursus.

2.7.6 Syarat Menduduki Peperiksaan

- 2.7.6.1 Seseorang pelajar mesti hadir dan menduduki kursus yang telah di daftar pada sesuatu semester pengajian.
- 2.7.6.2 Pelajar dikehendaki menjelaskan bayaran yuran pengajian tertunggak sebagai syarat menduduki peperiksaan bagi sesuatu semester.
- 2.7.6.3 Bagi kursus berbentuk kuliah/tutorial/studio/makmal dan seumpamanya pelajar tidak hadir **dua (2) kali tanpa sebab** yang boleh diterima atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Fakulti Pengajian atau Akademi akan diberikan **AMARAN** oleh Ketua Program yang diberi kuasa dan sekiranya pelajar masih tidak hadir untuk kali ketiga maka seseorang pelajar itu tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir dan akan diberi **Gred F** dengan **status XI dihalang dari menduduki peperiksaan**.
- 2.7.6.4 Bagi kursus produksi/projek/bengkel, pelajar yang mencapai kehadiran **di bawah 70% tanpa sebab** yang boleh diterima atau terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Fakulti atau Akademi akan diberikan **AMARAN** oleh Ketua Program yang diberi kuasa dan sekiranya pelajar masih tidak hadir untuk kali seterusnya maka seseorang pelajar itu tidak dibenarkan mengambil peperiksaan akhir dan akan diberi **Gred F** dengan **status XI dihalang dari menduduki peperiksaan**.

2.7.7 Pengecualian menghadiri Kuliah

- 2.7.7.1 Pegawai Akademi yang diberi kuasa boleh mengeluarkan **surat pengecualian** menghadiri kuliah untuk tempoh tertentu di dalam sesuatu semester atas keperluan ko-kurikulum dan Akademi.
- 2.7.7.2 Pengecualian kuliah ini tidak dikira sebagai tidak hadir.
- 2.7.7.3 Pelajar yang dikecualikan menghadiri kuliah tidak akan diberi **kelas gantian** kecuali atas keperluan tertentu.

2.7.8 Kebenaran Tidak Menduduki Peperiksaan

- 2.7.8.1 Permohonan bertulis untuk tidak menduduki peperiksaan akhir perlu dikemukakan kepada Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan melalui pengesahan Ketua Program sebelum tarikh peperiksaan.

- 2.7.8.2 Bagi peperiksaan yang telah berjalan, permohonan penangguhan untuk tidak menduduki peperiksaan perlu dibuat secara bertulis kepada Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan melalui Pusat Pengajian Asasi Seni Kreatif dalam masa **dua puluh empat (24) jam** setelah tamatnya peperiksaan kursus tersebut.
- 2.7.8.3 Permohonan untuk tidak menduduki peperiksaan perlu mengemukakan dokumen sah yang berkaitan termasuk **surat pengesahan doktor dari klinik/hospital kerajaan sahaja atau pengesahan hospital kerajaan (bagi klinik swasta) atau sijil kematian (keluarga terdekat sahaja)**.
- 2.7.8.4 Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar akan diberi **status Y bersamaan 'tidak hadir peperiksaan dengan kebenaran dan perlu mengulang kursus berkenaan'**. Sekiranya permohonan tidak diluluskan, pelajar akan diberi **status X bersamaan 'tidak hadir peperiksaan tanpa kebenaran akan diberi gred F atau Gagal'**.
- 2.7.9 Tatatertib Peperiksaan Akhir
- 2.7.9.1 Pelajar dinasihatkan berada di luar Dewan/Bilik Peperiksaan yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat dalam Jadual Peperiksaan tidak lewat **LIMA BELAS (15) minit** sebelum peperiksaan bermula.
- 2.7.9.2 Pelajar dibenarkan masuk ke Dewan/Bilik peperiksaan sehingga diarahkan Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 2.7.9.3 Pelajar perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas semasa masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan.
- 2.7.9.4 Pelajar yang **HADIR LEWAT** tetapi tidak melebihi **TIGA PULUH (30) minit** daripada waktu peperiksaan bermula akan dibenarkan masuk mengambil peperiksaan tetapi waktu tamat peperiksaannya bagi kursus tersebut adalah sama seperti pelajar yang lain.
- 2.7.9.5 Pelajar yang **HADIR LEWAT** selepas **TIGA PULUH (30) minit** selepas waktu peperiksaan bermula **TIDAK AKAN DIBENARKAN** masuk dan menduduki Peperiksaan tersebut.
- 2.7.9.6 Pelajar tidak boleh meninggalkan Dewan/Bilik peperiksaan dalam masa **TIGA PULUH (30) minit** selepas peperiksaan bermula dan **LIMA BELAS (15) minit** sebelum peperiksaan tamat.

- 2.7.9.7 Pelajar yang ingin keluar sebentar daripada Dewan/Bilik Peperiksaan hendaklah meminta kebenaran Pengawas Peperiksaan dan pelajar hanya boleh keluar **tidak lebih daripada 10 minit**.
- 2.7.9.8 Pelajar dikehendaki membawa Slip Peperiksaan dan Kad Pelajar masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan dan diletakkan di sudut kanan meja peperiksaan untuk tujuan pemeriksaan oleh Pengawas Peperiksaan.
- 2.7.9.9 Pelajar yang tidak membawa Slip Peperiksaan atau kad pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan yang berkenaan kecuali mendapat kebenaran/pengelesen daripada Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.
- 2.7.9.10 Pelajar adalah **DILARANG** sama sekali membawa sebarang buku, kertas, gambar, nota, alat yang terdapat catatan bertulis, kalkulator berprogram, alat komunikasi atau sebarang alat kecuali yang dibenarkan oleh **KETUA PENGAWAS** ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan.
- 2.7.9.11 Buku/Kertas Jawapan yang telah digunakan, rosak ataupun kosong tidak boleh dibawa keluar daripada Dewan/Bilik Peperiksaan.
- 2.7.9.12 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** berhubung dengan pelajar lain dalam masa peperiksaan dijalankan.
- 2.7.9.13 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali makan dan/atau merokok semasa berada di dalam Dewan/Bilik peperiksaan.
- 2.7.9.14 Pelajar adalah **DILARANG** merujuk atau menggunakan sebarang bahan rujukan di dalam atau luar Dewan/Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan dijalankan **KECUALI** yang dibenarkan oleh **KETUA PENGAWAS**.
- 2.7.9.15 Pelajar perlu memastikan helaian/buku jawapan disusun dengan sempurna mengikut arahan yang diberikan serta memastikan nombor kad pelajar, kod dan nama kursus ditulis dengan jelas dan terang sebelum diserahkan kepada Pengawas Peperiksaan di akhir waktu peperiksaan.

2.7.10 Tarikh Peperiksaan

Tarikh peperiksaan akan diumumkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan mengikut ketetapan dalam Kalendar Akademik.

2.7.11 Jadual Peperiksaan

- 2.7.11.1 Deraf jadual peperiksaan akan disediakan oleh Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan dan akan dipamerkan di Akademi tidak lewat dari **enam (6) minggu** sebelum peperiksaan bermula.
- 2.7.11.2 Sebarang pertembungan di antara kursus perlu dilaporkan oleh pelajar secara bertulis kepada Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan dalam **tempoh dua (2) minggu** selepas deraf jadual peperiksaan tersebut dipamerkan.
- 2.7.11.3 Jadual peperiksaan yang muktamad akan dipamerkan tidak lewat daripada **empat (4) minggu** sebelum peperiksaan bermula.

2.7.12 Keputusan Peperiksaan dan Penilaian/Slip Keputusan Peperiksaan

- 2.7.12.1 Slip Keputusan Peperiksaan merupakan penyata terperinci keputusan peperiksaan bagi sesuatu semester.
- 2.7.12.2 Keputusan peperiksaan dan penilaian kursus akan diberikan dalam bentuk gred dan nilai gred.
- 2.7.12.3 Slip Keputusan Peperiksaan akan dikeluarkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan serta tertakluk kepada pengesahan Lembaga Akademi.
- 2.7.12.4 Sebarang kesilapan di dalam slip keputusan peperiksaan perlu dimaklumkan kepada Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh slip keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- 2.7.12.5 Gred keputusan peperiksaan dan penilaian kursus yang **Tidak Lengkap (TL)** akan dimasukkan pada akhir semester berikutnya.

2.7.13 Kehilangan Slip Peperiksaan / Slip Keputusan Peperiksaan

- 2.7.13.1 Pelajar yang kehilangan slip keputusan peperiksaan boleh mendapatkan slip keputusan peperiksaan di Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan.
- 2.7.13.2 Permohonan slip keputusan peperiksaan asal kali pertama akan dikenakan **RM20.00** dan **RM30.00** untuk kali kedua dan seterusnya.
- 2.7.13.3 Bagi permohonan salinan slip keputusan peperiksaan pula akan dikenakan **RM10.00** mengikut helaian yang dicetak.

2.7.13.4 Kadar bayaran yang dikenakan adalah seperti yang ditetapkan oleh Akademi.

2.7.14 Status Kursus

Keputusan bagi setiap kursus akan diberi status seperti berikut :

U1	:	Mengulang kursus kali pertama
U2	:	Mengulang kursus kali kedua
KA	:	Kursus Akademi
KF	:	Kursus Fakulti

“**U1, U2**” membawa makna **ulangan**. Kursus perlu diulang oleh seseorang pelajar dan wajib lulus. Pelajar hanya diberi peluang mengulang sesuatu kursus sebanyak dua (2) kali sahaja. Seseorang pelajar yang gagal kali ketiga (3) bagi kursus yang diduduki akan diberi status **GAGAL DAN DIBERHENTIKAN** iaitu diberhentikan dari Akademi.

“**KA**” membawa makna **Akademi** iaitu kursus yang wajib ambil dan lulus sebagai syarat penganugerahan.

“**KF**” membawa makna **Fakulti** iaitu kursus pilihan selain kursus-kursus wajib (KA) yang telah ditentukan oleh Akademi.

2.7.15 Status Penilaian

L	:	Lulus
U1	:	Gagal kursus kali pertama
U2	:	Gagal Kursus kali kedua
TL	:	Tidak Lengkap
X	:	Tidak hadir peperiksaan tanpa kebenaran
X1	:	Dihalang menduduki peperiksaan
X2	:	Tidak menyempurnakan kerja kursus tanpa kebenaran
Y	:	Tidak hadir peperiksaan dengan kebenaran
Y1	:	Tidak menyempurnakan kerja kursus dengan izin

“**L**” membawa maksud kursus yang didaftarkan adalah **LULUS**.

“**U1**” membawa maksud **GAGAL KURSUS KALI PERTAMA**. Bagi kursus-kursus akademi pelajar perlu mengulang kursus tersebut. Namun, bagi

kursus-kursus fakulti pelajar boleh mengambil kursus yang sama atau kursus yang berbeza bagi mencukupkan jumlah jam kredit.

“U2” membawa maksud **GAGAL KURSUS KALI KEDUA**. Bagi pelajar yang gagal kursus kali kedua pelajar perlu mengulang kursus tersebut dan lulus. Bagi pelajar yang gagal kursus setelah mendapat status U2, pelajar akan diberikan status **GB4 iaitu GAGAL DAN DIBERHENTIKAN**.

“TL” membawa makna **tidak lengkap**. Pelajar tidak melengkapkan keperluan kursus. Pelajar mesti melengkapkan pada semester berikutnya dan status bagi kursus tersebut mesti diganti dengan gred yang diperolehi di penghujung semester berkenaan. Pelajar akan diberi Gred F sekiranya gagal mematuhi syarat di atas.

“X” membawa makna **tidak hadir peperiksaan tanpa kebenaran**. Status X bersamaan dengan Gagal (F)

“X1” membawa makna **dihalang menduduki peperiksaan**. Status X1 bersamaan dengan Gagal (F).

“X2” membawa makna **tidak menyempurnakan kerja kursus tanpa kebenaran**. Pelajar yang mendapat status X2 hanya diberi penilaian ke atas peperiksaan yang diduduki sahaja.

“Y” membawa makna **tidak hadir peperiksaan dengan kebenaran**. Pelajar perlu mengulang kursus berkenaan.

“Y1” membawa makna **tidak menyempurnakan kerja kursus dengan izin**. Pelajar yang mendapat status Y1 perlu menyempurnakan kerja kursus berkenaan pada masa yang ditetapkan oleh Akademi. Jika gagal mematuhinya, maka pelajar tidak dinilai untuk kerja kursusnya.

Nota: Bagi status X dan X1 pelajar akan diberi nilai Gred 0.00

- 2.7.16 Status Keputusan Peperiksaan
Berdasarkan pencapaian HPNG, pelajar akan diberi status keputusan peperiksaan seperti berikut :

LULUS
AMARAN PERTAMA
AMARAN KEDUA

GAGAL DAN DIBERHENTIKAN TAMAT PENGAJIAN

Status LULUS memperoleh HPNG 2.00 atau lebih dalam sesuatu semester dan boleh meneruskan pengajian ke semester berikutnya.

Status AMARAN PERTAMA memperoleh HPNG kurang daripada 2.00 pada kali pertama.

Status AMARAN KEDUA memperoleh HPNG kurang daripada 2.00 pada kali kedua.

Status GAGAL DAN DIBERHENTIKAN akan diberikan apabila :

- GB1 : HPNG kurang daripada 1.50 pada setiap akhir semester.
- GB2 : HPNG kurang daripada 1.50 selepas mendapat status AMARAN PERTAMA.
- GB3 : HPNG kurang daripada 2.00 selepas mendapat status AMARAN KEDUA.
- GB4 : Gagal dalam sesuatu kursus sebanyak 3 kali.
- GB5 : Tamat tempoh maksimum pengajian.

Status DITANGGUHKAN apabila terdapat satu atau lebih kursus yang tidak sempurna penilaiannya, maka keputusan peperiksaan bagi pelajar berkenaan ditangguhkan ke semester berikutnya. Pelajar dibolehkan meneruskan pengajian setelah diizinkan oleh Akademi.

Status TAMAT PENGAJIAN diberikan kepada pelajar yang telah lulus dan memenuhi semua keperluan dan syarat akademik serta memperoleh sekurang-kurangnya HPNG 2.00 sebagai syarat penganugerahan.

2.7.17 Penahanan Keputusan Peperiksaan

Seseorang pelajar yang gagal mematuhi sesuatu peraturan berhubung dengan sesuatu kursus/program pengajian atau gagal mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Akademi, maka Slip Keputusan peperiksaannya boleh ditahan sehingga ia memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Akademi.

2.7.18 Kecurangan Akademik

- 2.7.18.1 Pelajar yang melakukan salah laku atau kecurangan akademik boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta 653 Bahagian V Seksyen 17
- 2.7.18.2 Pelajar yang melakukan salah laku atau kecurangan akademik adalah meliputi perkara-perkara seperti berikut :
- Menciplak/plagiat atau meniru frasa, idea atau maklumat tanpa kebenaran penulis/pencipta/pengubah/pelukis asal.
 - Memberi atau menerima atau memiliki sebarang maklumat yang berhubungkait dengan sesuatu kursus sebelum atau semasa peperiksaan dijalankan.
 - Mengambil, mengubah, menyembunyikan, merosak atau memusnahkan sebarang harta atau karya yang ada kaitan dengan persediaan atau penyempurnaan tugas, penyelidikan, karya atau peperiksaan.
 - Sebarang bentuk penyelewengan atau penipuan akademik selain tersebut di atas.
- 2.7.18.3 Pelajar yang disabitkan dengan kecurangan akademik akan diputuskan oleh Jawatankuasa Kecurangan Akademik serta akan diberi gred F atau Gagal oleh Lembaga Akademi.

2.8 Rayuan

2.8.1 Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan

- 2.8.1.1 Seseorang pelajar yang tidak berpuashati dengan keputusan peperiksaan akhir bagi sesuatu kursus boleh membuat rayuan penyemakan semula kertas jawapan.
- 2.8.1.2 Pelajar bersetuju membayar yuran penyemakan semula sebanyak **RM50.00** bagi setiap kursus yang disemak.
- 2.8.1.3 Rayuan penyemakan semula kertas jawapan boleh dikemukakan kepada Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan dengan menggunakan **Borang ASWARA/HEA (Penyemakan Semula Kertas Jawapan)**.
- 2.8.1.4 Keputusan rayuan penyemakan semula kertas adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Rayuan Penyemakan Semula Kertas Jawapan yang ditentukan oleh Akademi.

- 2.8.1.5 Keputusan rayuan akan diumumkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan dalam **tempoh dua puluh satu (21)** hari bekerja daripada tarikh permohonan rayuan ditutup.
- 2.8.1.6 Keputusan yang diumumkan adalah muktamad.
- 2.8.2 Rayuan Meneruskan Pengajian
- 2.8.2.1 Seseorang pelajar yang gagal dan diberhentikan atas sebab akademik oleh Akademi boleh membuat rayuan kepada Akademi dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** selepas keputusan peperiksaan dikeluarkan.
- 2.8.2.2 Permohonan rayuan meneruskan pengajian boleh dikemukakan menggunakan **Borang ASWARA/HEA (Rayuan Meneruskan Pengajian/Masuk Semula)** yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik.
- 2.8.2.3 Pelajar bersetuju membayar yuran proses sebanyak **RM100.00** seperti yang telah ditetapkan oleh Akademi.
- 2.8.2.4 Kelulusan permohonan rayuan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa khas yang ditentukan oleh Akademi.
- 2.8.2.5 Keputusan rayuan akan diumumkan dalam **tempoh dua puluh satu (21) hari** bekerja selepas tarikh permohonan rayuan ditutup.
- 2.8.2.6 Keputusan yang diumumkan adalah muktamad.
- 2.8.3 Rayuan Masuk Semula
- 2.8.3.1 Seseorang pelajar yang diberhentikan kerana tidak dapat menghabiskan pengajian atau atas sebab-sebab tertentu di dalam tempoh yang ditetapkan boleh mengemukakan rayuan masuk semula.
- 2.8.3.2 Rayuan masuk semula boleh dikemukakan menggunakan **Borang ASWARA/HEA (Rayuan Meneruskan Pengajian/Masuk Semula)** yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik.
- 2.8.3.3 Pelajar bersetuju membayar yuran proses sebanyak **RM100.00** seperti yang telah ditetapkan oleh Akademi.
- 2.8.3.4 Pelajar bersetuju menghabiskan tempoh minima pengajian yang dipohon.
- 2.8.3.5 Kelulusan permohonan rayuan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa khas yang ditentukan oleh Akademi.

- 2.8.3.6 Keputusan rayuan akan diumumkan dalam **tempoh dua puluh satu (21) hari** bekerja selepas tarikh permohonan rayuan ditutup.
- 2.8.3.7 Keputusan yang diumumkan adalah muktamad.

2.9 Penganugerahan

2.9.1 Sijil Asasi Seni Kreatif

Seseorang pelajar akan memperolehi Sijil Asasi Seni Kreatif dan layak untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian ASWARA apabila:

- 2.9.1.1 Memperolehi **HPNG 2.00** atau lebih
- 2.9.1.2 Mengumpulkan sekurang-kurangnya **50 unit kredit**
- 2.9.1.3 Lengkap pengajian di dalam tempoh yang ditetapkan
- 2.9.1.4 Lulus dalam semua kursus yang ditetapkan oleh Akademi dan Fakulti
- 2.9.1.5 Tidak mempunyai rekod kesalahan tata tertib
- 2.9.1.6 Diperakukan oleh Lembaga Pengarah Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan.

2.10 Transkrip

2.10.1 Seseorang pelajar akan memperoleh transkrip yang menunjukkan pencapaian dan catatan akademik yang telah diperolehi sepanjang mengikuti pengajian di Akademi apabila :

- i. Tamat pengajian dengan jayanya
- ii. Memenuhi syarat dan keperluan ditetapkan oleh Akademi.

2.10.2 Kehilangan Transkrip/Skrol

Pelajar/graduan yang kehilangan transkrip boleh mendapatkan transkrip asal di Bahagian Kemasukan dan Rekod menggunakan **Borang ASWARA/HEA (Bayaran Kehilangan Transkrip/Skrol)**.

- 2.10.2.1 Kadar bayaran transkrip/skrol yang dikenakan bagi setiap satu adalah :
- **RM20.00** kali pertama
 - **RM30.00** untuk kali kedua dan seterusnya.

2.11 Peruntukan AM

- 2.11.1 Sebarang kaedah pelaksanaan selanjutnya boleh dibuat mengikut peruntukan yang ada di dalam Peraturan Akademik Pengajian Asasi Seni Kreatif. Semua kaedah pelaksanaan yang dibuat mestilah dipatuhi. Walaubagaimanapun, Lembaga Pengarah berhak menentukan atau mengubahnya dari masa ke semasa mengikut keperluan semasa.
- 2.11.2 Semua lampiran dan jadual yang terdapat di dalam Peraturan Akademik Pengajian Asasi Seni Kreatif ini adalah sebahagian daripada pelaksanaan daripada peraturan yang sedia ada.
- 2.11.3 Jika terdapat atau berlaku sebarang percanggahan, peraturan yang terkandung dalam Peraturan Akademik Pengajian Asasi Seni Kreatif ini adalah digunapakai.
- 2.11.4 Semua maklumat yang terkandung dalam Peraturan Akademik Pengajian Asasi Seni Kreatif ini adalah tepat semasa diterbitkan.

Disahkan oleh Lembaga Pengajian ASWARA pada
JULAI 2015
di dalam
**MESYUARAT LEMBAGA PENGAJIAN
AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN
(ASWARA)**